



# SIARAN AKHBAR

## Kementerian Luar Negeri, Malaysia

---

### LETUPAN BOM DI JAKARTA

Kementerian Luar Negeri Malaysia ingin memaklumkan bahawa setakat ini tiada rakyat Malaysia yang dilaporkan terlibat dengan kejadian letupan bom di Jakarta, yang berlaku pada hari ini, 14 Januari 2016. Situasi kini sedang dipantau rapi oleh Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta.

Warganegara Malaysia yang bermastautin atau pun yang melawat Jakarta dinasihatkan supaya lebih berhati-hati dan mematuhi sebarang arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan. Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta boleh dihubungi seperti berikut:

Kedutaan Besar Malaysia  
Jalan H.R. Rasuna Said  
Mukim. X / 6, No.1-3 Kuningan  
Jakarta Selatan 12950  
Republik Indonesia  
E-mel : [mwjakarta@kln.gov.my](mailto:mwjakarta@kln.gov.my)  
Tel : 0062 21 5224 947

Kerajaan Malaysia ingin merakamkan ucapan simpati dan takziah kepada Kerajaan dan rakyat Republik Indonesia di atas kejadian tragis ini.

**Kementerian Luar Negeri, Malaysia**

**PUTRAJAYA**

**14 Januari 2016**